



**IBU PEJABAT JABATAN TENAGA KERJA
SEMENANJUNG MALAYSIA**

**PENETAPAN SYARAT-SYARAT TAMBAHAN PERMOHONAN LESEN BAHARU
AGENSI PEKERJAAN SWASTA DI BAWAH
AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981 [AKTA 246]**

1. PENDAHULUAN

Syarat-syarat Tambahan Permohonan Lesen Baharu Agensi Pekerjaan Swasta (APS) yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah berdasarkan subseksyen 9(2) Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246].

2. TUJUAN

Tujuan dokumen ini adalah untuk memaklumkan kepada pemohon lesen APS berkenaan penetapan syarat-syarat tambahan permohonan lesen baharu oleh Ketua Pengarah sebagaimana Akta 246.

3. PROSEDUR PERMOHONAN LESEN

3.1 Lesen Baharu

Pemohon bagi lesen A, lesen B atau lesen C hendaklah menggunakan borang yang ditetapkan.

3.2 Syarat Permohonan

- i. Permohonan lesen APS hendaklah mematuhi semua syarat di bawah seksyen 9 Akta 246.

- ii. Selain daripada syarat-syarat di bawah seksyen 9 Akta 246, Ketua Pengarah boleh meluluskan permohonan jika lesen APS pemohon dan pengarah syarikat tidak pernah terlibat dengan pembatalan di bawah seksyen 11A Akta 246 dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh permohonan.

4. PREMIS APS

Setiap permohonan hendaklah mempunyai premis seperti ketetapan berikut:

4.1 Jenis premis

- i. Premis hendaklah suatu bangunan yang berstatus perniagaan atau rumah kedai yang mempunyai lesen perniagaan/ surat kelulusan sementara/ surat kelulusan bersyarat yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atas nama pemohon (syarikat).
- ii. Premis pemohon tidak berkongsi dengan premis perniagaan yang lain.
- iii. Bagi premis berkonsepkan bilik/ komersial seperti *Small Office Home Office (SoHo)*, *Small Office Flexible Office (SoFo)*, *Small Office Virtual Office (SoVo)*, *Co-Working Space* atau apa-apa jenis premis yang lain, adalah dibenarkan dengan syarat mempunyai:
 - a. bilik bertutup dan ruang kerja yang khusus;
 - b. tidak berkongsi dengan syarikat yang lain di bilik bertutup tersebut;
 - c. bilik bertutup tersebut tidak berada di dalam ruang kerja syarikat lain; dan
 - d. bilik bertutup tersebut mempunyai lesen perniagaan/ surat

kelulusan sementara/ surat kelulusan bersyarat yang dikeluarkan oleh PBT atas nama pemohon.

- iv. Pemohon perlu memastikan alamat premis perniagaan dalam maklumat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) adalah sama dengan alamat premis perniagaan pada lesen PBT.

4.2 Premis bukan tempat kediaman atau penginapan

Premis untuk menjalankan aktiviti agensi pekerjaan bukan suatu tempat kediaman atau dijadikan sebagai tempat penginapan.

5. TARIKH KUAT KUASA

Syarat-syarat tambahan ini berkuat kuasa mulai **15 Januari 2024**.

6. RUJUKAN

Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan atau pertanyaan berhubung perkara ini, sila hubungi Unit Agensi Pekerjaan Swasta, Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan, Ibu Pejabat JTKSM.



(KAMAL BIN PARDI)
Ketua Pengarah Tenaga Kerja
Semenanjung Malaysia

Tarikh:

15/01/24